

SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Group Corporate Communications

Level 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telephone 03 2088 8000

Fax 03 2781 2998

www.bankislam.com.my

BANK ISLAM METERAI MEMORANDUM STRATEGIK DENGAN SARAWAK SENERGY DAN SJPP

Peruntuk RM300 juta menyokong Program Pembiayaan Vendor Sarawak Energy

KUCHING, Rabu, [30 Oktober 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini memeterai Memorandum Persefahaman ("MoU") dengan Sarawak Energy Berhad ("Sarawak Energy") dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad ("SJPP") untuk menyediakan penyelesaian pembiayaan kepada vendor-vendor yang tersenarai di bawah Program Pembiayaan Vendor Sarawak Energy.

Melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM300 juta, program berkenaan bertujuan untuk mempertingkatkan akses pembiayaan dan kecairan kepada vendor-vendor yang mendapat kontrak daripada Sarawak Energy dan memenuhi penilaian kredit Bank Islam serta kelayakan dan kriteria yang ditetapkan SJPP.

Ketua Perbankan Komersial, Encik Ahmad Haliman Abdul Halim telah menandatangani MoU berkenaan bagi pihak Bank Islam, sementara Sarawak Energy telah diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Encik Lu Yew Hung dan SJPP oleh Pengurus Besar, Encik Azlan Mohd Agel.

Majlis menandatangani perjanjian berkenaan telah disaksikan oleh Ketua Wilayah Malaysia Timur Bank Islam, Encik Abdul Malek Abdullah; Cik Stephanie Gae Chin, Pengurus Besar Undang-Undang Sarawak Energy dan Puan Juanita Rusmini Abdul Jalil, Pengurus Besar SJPP.

Encik Ahmad Haliman berkata, "Bank Islam telah mengambil pendekatan agresif dalam mendorong projek-projek yang mencerminkan misi pengantaraan berasaskan nilai (VBI) kami, termasuk menyediakan kemudahan pembiayaan yang memberikan impak positif

terhadap ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Dalam usaha memberi sokongan kepada Program Pembiayaan Vendor Sarawak Energy, Bank Islam berupaya membantu vendor-vendor dengan kontrak kecil untuk mendapatkan akses pembiayaan yang membolehkan mereka menyiapkan projek-projek yang dianugerahkan oleh Sarawak Energy atau subsidiarinya mengikut jadual.”

Sebagai sebahagian daripada inisiatif berkenaan, SJPP, sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan, akan berperanan sebagai penyedia jaminan kredit. SJPP akan menyokong program tersebut dengan menyediakan jaminan kredit sehingga 70% kepada vendor yang berkeelayakan.

Encik Ahmad Haliman berkata, “Usaha sama ini akan memperluaskan pasaran perniagaan Bank Islam kerana kontrak-kontrak yang diberikan oleh Sarawak Energy akan dibiayai di bawah Program Pembiayaan Vendor ini. Dengan jumlah kontrak yang diberikan oleh Sarawak Energy bernilai lebih RM500 juta setahun, Bank Islam akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk membantu vendor mendapatkan modal yang diperlukan untuk membolehkan mereka memperkukuhkan kapasiti dan keupayaan perniagaan.”

Beliau menambah, “Bank Islam berbangga dapat menjalin kerjasama dengan Sarawak Energy dan SJPP dalam menyokong inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam menggalakkan kelestarian tenaga di Malaysia, pada masa yang sama turut menyumbang dalam memenuhi keperluan tenaga yang boleh dipercayai dan boleh diperbaharui di Sarawak. Usaha-usaha ini seterusnya dapat menyumbang dalam mencapai pertumbuhan yang mampan serta kesejahteraan hidup yang lebih baik.”

Bank Islam komited untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem kewangan yang menyediakan penyelesaian perniagaan dan menambah nilai kepada vendor-vendor Program Pembiayaan Vendor Sarawak Energy. Bank Islam juga amat bangga dengan pengambilan pendekatan inovatif dalam menyediakan khidmat kepada pelanggan melalui tawaran liputan rangkaian yang meluas dan keupayaan memenuhi keperluan sektor tenaga. Diharapkan agar jalinan kerjasama dengan Sarawak Energy dan SJPP

dapat terus merangsangkan inisiatif teknologi hijau negara demi masa depan yang lestari.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman www.bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1100 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. Bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Email: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. Bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Email: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--